

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,

MALAYSIA,

TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,

JALAN SULAIMAN,

KUALA LUMPUR.

25hb.Jun,1975

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 9 TAHUN 1975

Tuan,

Surat Penghargaan

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk mengeluarkan Surat-surat Penghargaan kepada bala/suami Pegawai-pejawai yang kanan yang telah meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan, sebagai tanda penghormatan dan penghargaan di atas perkhidmatan suami/isteri mereka dengan Kerajaan.

2. Berikut dengan keputusan ini, Kerajaan telah menetapkan bahawa tugas bagi mengeluarkan Surat-surat Penghargaan ini adalah terletak kepada Y.A.B. Perdana Menteri, Y.B. Menteri yang berkenaan, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.
3. Balu Pegawai-pejawai yang layak menerima surat-surat Penghargaan ini adalah seperti berikut:-
 - (a) Sekiranya suami/isteri mereka adalah bekas Ketua Setiausaha Kementerian atau Timbalan Ketua Setiausaha atau Ketua atau Timbalan Ketua Jabatan Persekutuan;
 - (b) Sekiranya suami/isteri mereka adalah Pegawai-pejawai Persekutuan yang menjadi Ketua atau Timbalan Ketua Jabatan-jabatan Negeri seperti Pegawai Pertanian Negeri, Pegawai Haiwan Negeri, Jurutera Negeri dan sebagainya;
 - (c) Sekiranya suami/isteri mereka adalah Pegawai-pejawai Persekutuan dalam Tingkatan Tertinggi 'D' ke atas; dan
 - (d) Sekiranya suami/isteri mereka adalah Pegawai-pejawai Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang telah berkhidmat 25 tahun ke atas.

Surat-surat Penghargaan yang akan dikeluarkan itu adalah terhad kepada Pegawai-pejawai Persekutuan di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan sahaja tidak termasuk Pegawai-pejawai

perkhidmatan yang lain seperti Perkhidmatan Angkatan Tentera, Perkhidmatan Polis, Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Keretapi dan Perkhidmatan Awam Negeri.

4. Surat-surat penghargaan kepada balu-balu/suami Pegawai-pegawai yang menyandang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian akan di keluarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri dan Surat-surat Penghargaan kepada Timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan dan Timbalan Ketua-ketua Jabatan di bawah kawalan Kementerian itu. Sementara itu, Surat-surat Penghargaan yang dikeluarkan kepada Pegawai Tingkatan Tertinggi 'D' ke atas yang bukan menyandang jawatan Ketua Setiausaha atau Ketua-ketua Jabatan akan dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara dan bagi Pegawai-pegawai Persekutuan yang lain akan keluarkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

5. Surat-surat Penghargaan yang akan dikeluarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam hendaklah diluluskan perakuan-perakuannya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Perakuan-perakuan pengeluaran surat ini oleh Y.B. Menteri bolehlah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan. Pemberitahu-pemberitahu itu hendaklah disampaikan di dalam masa satu bulan selepas pegawai-pegawai yang berkenaan itu meninggal dunia supaya pengeluaran surat-surat itu akan lebih bermakna lagi. Butir-butir yang dikehendaki adalah seperti berikut.

- (a) Nama penuh dan umur pegawai;
- (b) Jawatan;
- (c) Kumpulan dalam Perkhidmatan Awam;
- (d) Tarikh meninggal;
- (e) Cara meninggal;
- (f) Tempoh Perkhidmatan;
- (g) Satu perakuan yang menyatakan bahawa pegawai berkenaan tidak pernah didakwa dalam mahkamah atas kesalahan-kesalahan jenayah, tindakan tatatertib atau lain-lain kesalahan yang boleh mencemarkan perkhidmatan dan nama baiknya;
- (h) Surat-surat kepujian atau bintang-bintang kurniaan Kerajaan Persekutuan atau Negeri; dan
- (i) Alamat di mana Surat-surat Penghargaan itu boleh dihantar.

6. Bersama-sama ini dikepilkan dua Surat Penghargaan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tersebut di perenggan 2 di atas, seperti di [Lampiran 'A'](#) dan [Lampiran 'A I'](#). [Lampiran 'A'](#) adalah untuk pegawai Islam sementara [Lampiran 'A I'](#) untuk pegawai bukan Islam.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN HAJI SALLEH)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Kepada Setiausaha Negara,
Semua Ketua Setiausaha Kementerian.
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.
Y.B. Setiausaha Tetap kepada Ketua Menteri Sabah.

LAMPIRAN 'A'

Tuan/Puan,

Surat Penghargaan

Sukacita saya memberitahu tuan/puan bahawa suami-isteri tuan/puan
Allahyarham/Allahyarhamah.....

.....
.....

telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada Kerajaan dengan penuh kejujuran
dan kesetian.

Saya berasa bangga untuk menyampaikan kepada tuan/puan ucapan terima kasih dan
penghormatan Y.A.B.

Perdana Menteri di atas sumbangan suami-isteri tuan/puan itu. Jasa-jasa beliau kepada rakyat dan
negara akan

senantiasa dikenang.

2. Saya iringi doa semuga roh Allahyarham/Allahyarhamah itu dicucuri rahmat agar beliau
ditempatkan di kalangan
mereka yang salih.

Dengan tulus ikhlas,

.....

Tuan/Puan.....

.....
.....
.....

LAMPIRAN 'A I'

Puan / Tuan,

Surat Penghargaan

Sukacita saya memberitahu puan/tuan bahawa suami/isteri puan/tuan Mendiang..... telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada kerajaan dengan penuh kejujuran dan kesetiaan. Saya berasa bangga untuk menyampaikan kepada puan/tuan ucapan terima kasih dan penghormatan Y.A.B. Perdana Menteri di atas sumbangan suami/isteri puan/tuan itu. Jasa-jasa beliau kepada rakyat dan negara ini akan sentiasa dikenang.

Dengan tulus ikhlas,

Puan/tuan